

KONVENSYEN FIQH DAN TEKNOLOGI 3.0

SUCI- URINAL SYSTEM (SUCI-URIS) : PRODUK BERSUCI KHUSUS PARA HAJI”

PM IR. DR. HAMBALI AREP@ARIFF
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA


4 OKTOBER 2018

IDEA



PENGALAMAN MUSIN HAJI &

KESESAKAN JALAN ARAY



Start of the main pilgrimage
Prayers at the Plain of Arafat
Pilgrims sleep at Muzdalifah
Jamarat - stoning the pillars
Return to Mecca

IS NOT TO SCALE AND IS A REPRESENTATION ONLY




RUMAH JAGAAN WARGA EMAS



KEASLIAN

FUNGSI SURI-URIS ADALAH SEBAGAI SATU ALAT BANTUAN BERHADAS KECIL YANG **PATUH SYARIAH** BAGI KAUM LELAKI YANG MEMBOLEHKAN KAUM LELAKI UNTUK BERHADAS KECIL DENGAN SUCI, MUDAH DAN SELESA.

KAEDAH PENYELIDIKAN




SUMMARY OF ANALYSIS

Name of Product	:	Male Urinal System
Reference No	:	PI2017700074
Date received	:	14.02.2017

ANALYSIS	SPECIFICATION	RESULT
Cytotoxicity Evaluation for Medical Devices - MEM Elution Assay (ISO 10993-5) (Ref No.: R072/17/B19/02)	Compartment : Low Hardness Silicone Rubber (134)	No cytotoxicity reactivity
Cytotoxicity Evaluation for Non-Metallic Products (BS 6920:2014) (Ref No.: R071/17/B19/01)	Compartment : TOYOLAC General Purpose ABS Resin (TOYOLAC 700)	No cytotoxicity respond
In Vivo Evaluation for Medical Device - Primary Skin Irritation (ISO 10993-10) Ref No.: R073/17/B19/57)	Compartment : Low Hardness Silicone Rubber (134)	Primary Irritation Index (P.I.I) = Zero (0)

Note: Under the condition of analysis listed above, the Male Urinal System does not exhibited any Cytotoxicity / Irritation respond.

We, the undersigned, declare that the results and data contained in this summary faithfully reflect the product application.



 (DR AHMAD HAZRI AB RASHID)
 General Manager
 Industrial Biotechnology Research Centre

14 FEB 2017

 Date




 (SYAMIMI MD KHALID)
 Officer In-Charge
 Industrial Biotechnology Research Centre

14 FEB 2017

 Date

**PENGESAHAN
 DARI
 SIRIM**





Ref : (4) dlm. MDA. 600-1/6/1 Jld 45
Date : 2 August 2017

Azizan bin Ismail
Managing Director
Spektrum Teknik Sdn Bhd,
No. 53, Jalan Putra Perdana 1/2,
Taman Putra Perdana,
47130 Puchong, Selangor.

Dear Sir,

INQUIRY TO DETERMINE A PRODUCT WHETHER IS A MEDICAL DEVICE


With reference to the above, the following product **shall not be** considered as a medical device in accordance with medical device definition as specified in Section 2, of the Medical Device Act 2012 (Act 737).

Name of the Product : SUCI- URINAL SYSTEM (SUCI-URIS)
Description of the product : This product is used (for men) to urinate easily and clean their genitals without going to the toilet.
Intended use of the product : This product is designed for men to pass urine whenever required and without the need to access a toilet.
Manufacturer's Address : Spektrum Teknik Sdn Bhd
No. 53, Jalan Putra Perdana 1/2
Taman Putra Perdana,
47130 Puchong, Selangor.

2. Any product that falls within the proviso of section 2 of "medical device" shall be registered under section 5(1) of the Act 737.

3. This letter **DOES NOT CONSTITUTE AN APPROVAL** for the product and shall not be used for the purpose of promoting or advertising the product.

Thank you.


(ZAMANE ABDUL RAHMAN)
Chief Executive
Medical Device Authority
Ministry of Health, Malaysia

PENGESAHAN DARI MDA, KKM

PATUH SYARIAH

Penilaian Kepatuhan Syariah adalah berdasarkan kepada justifikasi berikut:

- a. *Istinja'* adalah menghilangkan najis daripada kemaluan (daripada dua jalan iaitu qubul dan dubur) dengan menggunakan air, batu atau kedua-duanya, atau sesuatu yang dibolehkan syarak untuk bersuci. Alat SUCI-URIS ini memenuhi kepatuhan syari'ah kerana ia menyediakan kemudahan beristinja' dengan menggunakan air mutlak.
- b. Arah semburan air untuk beristinja' adalah direka tepat menghala kepada kemaluan (khasyafah) pengguna iaitu di tempat keluarnya najis air kencing. Ia penting bagi memastikan istinja' adalah sah. Hukum istinja' adalah wajib dan berdosa bagi sesiapa yang meninggalkan istinja' dengan sengaja kerana orang tersebut berada di dalam kekotoran.

PATUH SYARIAH

- c. Najis urin (air kencing) tidak terkumpul atau bertakung di *housing* iaitu komponen utama SUCI-URIS sebaliknya ia terkumpul di beg yang disediakan. Ia penting kerana proses *istinja'* akan berlaku dalam *housing* tersebut. Ia bagi mengelakkan takungan urin atau air kencing di dalam *housing* (bekas) tersebut yang boleh menyebabkan ia akan terkena kemaluan semasa pengguna beristinja'.
- d. Pemegang khasyafah direka bagi mengelakkan baki najis urin terkeluar dari alat SUCI-URIS dan mengelakkan terkena pada tubuh atau pakaian pengguna. Ia penting bagi memberi keyakinan kepada pengguna Muslim khususnya apabila mereka ingin melaksanakan ibadah.

PENGESAHAN DARI MUFTI MELAKA

PENGESAHAN KEPATUHAN SYARIAH PRODUK SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS)

Kami, **DR. AB. RAHIM BIN IBRAHIM**, No. K/P 690113-04-5039 dan **DR. SAZELIN BINTI ARIF**, No. K/P 751215-04-5108 sebagai Panel Penyelidik Syariah yang turut terlibat dalam kerja-kerja penyelidikan bagi menganalisa dan membuat keputusan kepatuhan syariah bagi produk S-MUS dengan ini memberi pengakuan dan pengesahan bahawa, sejauh pengetahuan kami dan berdasarkan maklumat yang dibekalkan kepada kami secara terperinci dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dan melalui keterlibatan kami dalam kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan dan analisa yang telah dilakukan terhadap maklumat tersebut, **KAMI DAPATI TIADA SEBARANG PERLANGGARAN TERHADAP HUKUM-HUKUM SYARAK DAN OLEH ITU PRODUK SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS) DISAHKAN SEBAGAI PATUH SYARIAH.** Allah SWT jua yang Maha Mengetahui atas segalanya yang telah memberi petunjuk kepada kami agar kita berada di atas kebenaran.

SEKIAN LAPORAN PENGESAHAN KEPATUHAN SYARIAH PRODUK SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS)

Disediakan oleh:



Dr. Ab Rahim bin Ibrahim

Panel Penyelidik Syariah

Produk SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS)



Dr. Sazelin binti Arif

Panel Penyelidik Syariah

Produk SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS)

Diperakukan oleh :



Sahibus Samahah Datuk Hj Abdul Halim bin Tawil
Mufti Kerajaan Negeri Melaka

PENGESAHAN DARI MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

PENGESAHAN KEPATUHAN SYARIAH PRODUK SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS)

Kami, DR. AB. RAHIM BIN IBRAHIM, No. K/P 690113-04-5039 dan DR. SAZELIN BINTI ARIF, No. K/P 751215-04-5108 sebagai Panel Penyelidik Syariah yang turut terlibat dalam kerja-kerja penyelidikan bagi menganalisa dan membuat keputusan kepatuhan syariah bagi produk S-MUS dengan ini memberi pengakuan dan pengesahan bahawa, sejauh pengetahuan kami dan berdasarkan maklumat yang dibekalkan kepada kami secara terperinci dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dan melalui keterlibatan kami dalam kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan dan analisa yang telah dilakukan terhadap maklumat tersebut, **KAMI DAPATI TIADA SEBARANG PERLANGGARAN TERHADAP HUKUM-HUKUM SYARAK DAN OLEH ITU PRODUK SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS) DISAHKAN SEBAGAI PATUH SYARIAH.** Allah SWT jua yang Maha Mengetahui atas segalanya yang telah memberi petunjuk kepada kami agar kita berada di atas kebenaran.

SEKIAN LAPORAN PENGESAHAN KEPATUHAN SYARIAH PRODUK SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS)


Disediakan oleh:



Dr. Ab Rahim bin Ibrahim

Panel Penyelidik Syariah

Produk SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS)



Dr. Sazelin binti Arif

Panel Penyelidik Syariah

Produk SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS)

Diperakukan oleh :



Sahibus Samahah Datuk **Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri**

Mufti Wilayah Persekutuan



Rujukan: JAKIM.BPP./(S)/800-01/18 Jld.12 (5)

Tarikh: 25 Mei 2018

9 Ramadan 1439

YBhg. Prof. Madya Dr. Hambali bin Arep@Ariff
Ketua Penyelidik (SUCI-Uris)
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal
MELAKA

Assalamualaikum Wbt.

YBhg. Prof. Madya Dr.

**KEPUTUSAN MESYUARAT PANEL PAKAR SYARIAH (PPS) JAKIM BERKAITAN
PRODUK SUCI URINAL SYSTEM (SUCI-Uris)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Panel Pakar Syariah (PPS) Jakim Kali Ke-98 yang bersidang pada 16 – 17 April 2018 telah membincangkan mengenai Produk Suci Urinal System (SUCI-Uris) dan memutuskan seperti yang berikut:

"Mesyuarat mengambil maklum pembentangan oleh pihak UTeM dan bersetuju bahawa produk ini adalah patuh Syariah."

3. Semoga maklumbalas ini dapat membantu pihak YBhg. Prof. Madya Dr. dalam perkara tersebut. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian, wassalam.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KESATUAN UMMAH KESEJAHTERAAN NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(HAJI AZIZ BIN HAJI MOHAMAD)
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

PENGESAHAN DARI JAKIM



FAEDAH- Masyarakat

- JEMAAH HAJJ/UMRAH
- WARGA TUA DIRUMAH JAB
- KEBAJIKAN MASYARAKAT
- KESESAKAN JALANRAYA
- KEGUNAAN PERIBADI
- PELANCONG

Alat buang air kecil patuh syariah

Dicipta UTeM untuk bantu jemaah lelaki yang sukar guna tandas pada musim haji

ALOR GAJAH - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mencipta sejarah apabila berjaya mencipta alat buang air kecil lelaki patuh syariah, Suci-Urinal System (Suci-URIS).

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Shahrin Shahib berkata, alat itu bertepatan untuk membantu jemaah lelaki yang menghadapi kesukaran menggunakan tandas terutama ketika musim haji mahupun umrah.

Menurutnya, berdasarkan situasi itu juga telah menjadi pencetus kepada sekumpulan penyelidik dari universiti berkenaan untuk menghasilkan alat tersebut.

Katanya, set itu dilengkapi bekas tempat buang air kecil dan penyembur air bersih, pemegang khasyafah (kemahuan lelaki) pelbagai diameter saiz, beg urin satu liter

INFO • 1,000 unit sudah berada di pasaran Indonesia.

dan tiub yang diletakan dalam sebuah beg seberat 600 gram.

"Sebenarnya UTeM mengambil masa kira-kira setahun untuk membangunkan produk yang mematuhi syariah itu termasuk mendapat maklum balas dari pelbagai pihak.

"Kita bernasib baik apabila ada pihak, Syarikat Spektrum Sdn Bhd bersetuju memasarkan produk ini sama ada dalam dan luar negara," katanya selepas penyerahan dokumen memorandum perjanjian (MoA) mengkomersialkan produk tersebut dengan syarikat Spektrum Sdn Bhd yang diwakili Pengarah Urusannya,



Shahrin (tengah) mendengar penerangan mengenai alat buang air kecil lelaki patuh syariah, Suci-Urinal System, di Kampus Induk Durian Tunggal.

Azizan Ismail di Bangunan Canselori UTeM, Kampus Induk Durian Tunggal.

Selain itu, Shahrin berkata, mereka turut mendapatkan pandangan dan rujukan Lembaga Tabung Haji, Mufti Melaka termasuk pakar sa-

kit puan bagi mendengar pandangan mereka berhubung penghasilan peralatan ini sebelum dipasarkan.

Menurutnya, ia bukan sahaja boleh digunakan oleh jemaah haji dan umrah tetapi juga boleh dipakai oleh

pengguna jalan raya yang terperangkap dalam kesesakan lalu lintas dan juga pesakit di hospital.

"Sememangnya ia produk mesra pengguna, mematuhi syariah, mudah dibasuh, tahan lasak serta selamat di-

gunakan di mana sahaja.

"Alat ini juga mendapat pensijilan ISO 13485 (pengurusan kualiti sistem bagi peralatan perubatan), pengesahan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) dan juga pengiktirafan antarabangsa, Anugerah Khas daripada Chinese Innovation & Invention Society (Taiwan)," katanya.

Azizan berkata, pihaknya menyasarkan peralatan itu akan terjual sehingga 15,000 set dalam tempoh setahun.

Malah, katanya, penerimaan pengguna terhadap produk itu sangat positif dan menggalakkan selain merancang untuk memperluaskan pasaran ke Thailand dalam masa terdekat ini.

"Setiap set alat ini dijual RM159 dan kini telah pun dipasarkan 1,000 unit di pasaran Indonesia," katanya.



Helo Kampus

helo kampus
kampus@utusan.com.my



DR. HAMBALI AREP @ ARIFF (dua dari kanan) dan Azizan Ismail (tengah) bersama dengan penyelidik Utem yang membangunkan produk Suci-Uris.

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my

Suci-Uris bantu jemaah lelaki

KESUKARAN jemaah lelaki yang terpaksa beratur panjang untuk menggunakan tandas bagi membuang air kecil ketika musim haji adalah pemandangan biasa ketika berada Padang Arafah, Mina dan Muzdalifah.

Hampir tiga juta umat Islam bersesak-sesak mengerjakan haji dan beratus-ratus ribu jemaah menunaikan umrah setiap tahun. Dalam sehari berpuluh-puluh ribu jemaah haji menggunakan tandas yang sama sudah pasti ia melibatkan soal kebersihan tandas selain menyukarkan jemaah lelaki yang terdiri daripada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang terpaksa beratur panjang dan menunggu terlalu lama untuk membuang air kecil.

Ini merupakan sebahagian daripada kesukaran kepada jemaah lelaki.

Dalam menangani masalah itu, beberapa penyelidik tempatan berjaya membangunkan produk yang dinamakan Suci-Urisal



System (Suci-Uris) yang direka untuk membolehkan mereka membuang air kecil dengan mudah dan selesa tanpa perlu ke tandas.

Penyelidikan yang diketuai Prof. Madya Dr. Hambali Arep @ Ariff dari Fakulti Kejuruteraan (Pembuatan), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem) di Melaka yang telah memulakan penyelidikan itu pada Jun 2015.

Penyelidikan produk yang dinamakan Suci-Uris itu

dijalankan secara usaha sama antara Utem dan Spektrum Teknik. Sdn. Bhd.

Kajian pembangunan produk ini juga melibatkan beberapa penyelidik antaranya, Ab. Rahman Mahmud, Dr. Mohd. Shukor/Salleh dan dibantu oleh Pengarah Urusan Spektrum Teknik. Sdn. Bhd., Azizan Ismail.

Hambali yang ditemui berkata, antara manfaat daripada produk teknologi Suci-Uris tersebut ialah ia mampu menyelesaikan masalah jemaah lelaki untuk membuang air kecil dengan selesa tanpa perlu ke tandas.

"Produk ini telah menjalani ujian bagi memastikan ia bersifat mesra pengguna serta patuh syariah. Alhamdulillah penggunaan produk ini telah

mendapat status patuh syariah daripada Mufti Wilayah Persekutuan dan Mufti Kerajaan Negeri Melaka.

"Ia juga telah melalui beberapa siri ujian SIRIM serta Lembaga Tabung Haji tanpa apa-apa halangan malah menggalakkan produk ini digunakan oleh jemaah haji lelaki," katanya.

Menurut beliau, selain digunakan jemaah haji dan umrah ia juga sesuai digunakan untuk pengguna jalan raya yang terperangkap dalam kesesakan lalu lintas, pengguna yang tidak mampu untuk bergerak ke bilik air.

Produk ini juga sesuai untuk pengguna ketika melancong ke negara yang tidak menyediakan kemudahan air untuk bersuci



BAYANGKAN hampir tiga juta umat Islam yang bersesak-sesak mengerjakan haji setiap tahun sudah pasti menyukarkan para jemaah untuk menggunakan tandas.



PRODUK Suci-Uris yang menggunakan bahan plastik acrylonitrile butadiene styrene dan silicone rubber berkualiti tinggi.

SET kelengkapan yang terdiri daripada beg simpanan, penyembur urin, pemegang khasyafah dan beg urin.

SET utama produk Suci-Uris yang terdiri daripada bekas urin, pemegang khasyafah dan beg urin.

selepas membuang air kecil. Oleh itu, kata beliau, dengan adanya produk tersebut, ia dapat memberi keselesaan kepada pengguna lelaki yang terdiri jemaah haji, warga emas, OKU, pesakit yang sukar untuk bergerak ke tandas.

Produk Suci-Uris ini telah menjalani ujian bagi memastikan ia bersifat mesra pengguna serta patuh syariah.

SUCI-URIS bantu lelaki bermasalah kawal kencing

➔ Peralatan sesuai semua peringkat usia, beri keselesaan beribadat

Oleh Nurul
Fhatihah Zakinan
fhatihah@bh.com.my

► Melaka

Golongan lelaki yang berdepan kesukaran mengawal kencing khususnya warga tua, kini boleh memanfaatkan inovasi dihasilkan sekumpulan penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk mengatasi masalah mereka.

Peralatan dikenali sebagai Suci-Urinal System (SUCI-URIS) itu dicipta khusus bagi golongan terbahit, sekali gus memberi keselesaan kepada mereka yang beragama Islam untuk beribadat.

SUCI-URIS adalah peralatan membuang air kecil patuh syariah dan juga inovasi pertama seumpamanya di negara ini.

Menariknya, komponen SUCI-URIS direka bersama tangki yang boleh memuatkan sejumlah kandungan air bagi tujuan bersuci.

Lebih unik lagi apabila ia sesuai digunakan untuk semua peringkat usia kerana setiap individu lelaki mempunyai pelbagai saiz kemaluan, selain mudah dibawa ke mana-mana, mesra pengguna, mudah dibasuh dan tahan lama.

Produk patuh syariah

Ketua Penyelidik, Prof Madya Dr Hambali Arep@Arif, berkata keunikan produk itu dapat dilihat pada reka bentuk modular, selain ia patuh syariah dan mesra pengguna.

Katanya, set peralatan itu dilengkapi beg simpanan seberat 600 gram yang mengandungi bekas (tempat buang air kecil dan tangki penyembur air bersih), pemegang khasyafah (kemaluan lelaki) pelbagai diameter saiz, beg urin satu liter dan tiub penyambung.

"Bahan yang digunakan bagi pembuatan alatan ini ialah bahan plastik ABS (Acrylonitrile Butadiene Styrene, iaitu bahan polimer termoplastik yang tahan haba, mudah diproses dan dibentuk dan



Shahrin (tiga dari kiri) berbincang dengan Pengarah Urusan Spektrum Teknik Sdn Bhd, Azizon Ismail (tiga dari kanan) berkaitan SUCI-URIS pada majlis penyerahan dokumen memorandum perjanjian antara UTeM dan syarikat Spektrum Sdn Bhd di Durian Tunggal, Melaka, semalam.



Alat buang air kecil lelaki patuh syariah SUCI-URIS.

boleh dikitar semula.

"Satu lagi bahan dipilih adalah getah silikon yang tahan sinar matahari, kelembapan tinggi, beberapa bahan kimia dan minyak serta tiada kesan sampingan seperti kegatalan, malah tidak beracun," katanya kepada BH.

Hambali berkata, setakat ini, ramai pengguna berusia 50 tahun ke atas sudah mencuba set peralatan terbahit dan memberi maklum balas positif.

"Orang tua yang kerap membuang air kecil amat berpuas hati dengan produk ini kerana dapat membantu mereka berhadapan dengan lebih suci, mudah dan selesa.

"Mereka memberitahu set ini senang dibawa ke mana-mana dan boleh digunakan pada bila-bila masa jika keadaan (buang air kecil) terdesak," katanya.

Penyelidik yang mewakili 10 lagi ahli kumpulan itu turut berharap produk berkenaan mendapat pasaran lebih meluas serta merancang untuk mengeksport ke se-

luruh dunia seperti Arab Saudi, Singapura, Filipina dan Indonesia.

"Kami juga merancang untuk membangunkan produk membuang air kecil mesra pengguna bagi kaum wanita pula pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr Shahrin Shahib, berkata kesulitan jemaah haji lelaki membuang air kecil ketika menunaikan ibadat di Makkah, memberi ilham kepada kumpulan penyelidik diketuai Dr Hambali membangunkan peralatan itu.

"Penyelidik kita mengambil kira pelbagai faktor bagi membangunkan produk yang mengambil tempoh selama setahun ini.

Beliau berkata, produk berkenaan turut mendapat sokongan Mufti Melaka, Datuk Abdul Halim Tawil serta dianugerahkan pensijilan ISO 13485 (Pengurusan Kualiti Sistem Bagi Peralatan Perubatan) dan pengesahan Institut Piawiaan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Khidmat masyarakat



Khidmat masyarakat Lawatan ke RSK Cheng, Melaka



Khidmat masyarakat RSK Cheras, Selangor



ALAM SEKITAR

- **SEMUA BAHAN YG DIGUNAKAN BOLEH DIKITAR SEMULA (*POLYMER & RUBBER*)**
- **BERDASAR REKABENTUK MODULAR**

INDUSTRI (EKONOMI)



INDUSTRI (EKONOMI)



KUALITI PRODUK



KUALITI PRODUK

PERTAMA DIDUNIA KIT BUANG AIR KECIL PATUH SYARIAH

SUCI URIS, BANTU JEMAAH HAJI & UMRAH
LELAKI MENGALAMI MASALAH KENCING



**Beratur Panjang
Untuk Ketandas**



**Pengguna Yang
Berkerusi Roda**



**Kerap kencing disebabkan
masalah kesihatan seperti
kencing manis, prostat
dan lain2**

KELEBIHAN SUCI URIS

PATUH SYARIAH DARIPADA:
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN
MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA

SUCI , MUDAH & SELESA

KUALITI PRODUK

SUCI-URINAL SYSTEM (SUCI-URiS)

Direka untuk membolehkan para pengguna untuk membuang air kecil dengan mudah dan selesa

SPESIFIKASI

**1 SET SUCI-URiS
TAMBAHAN 1 SPRAY SET
BEG URIN
TISU
BEKAS SIMPANAN**

BERAT : 700 gram

DIMENSI : 297 x 70 x 240 mm



APLIKASI



BERDIRI



DUDUK



APLIKASI



BERCANGKUNG



Gold Medal

This Certificate of Award is presented to

Hambali bin Arep@Ariff
Ab Rahman bin Mahmood
Wahyono Sapto Widod
Mohd Shukor bin Salleh
Effendi Mohamaad
Ab Rahim bin Ibrahim
Sazelin binti Arif

For the invention/innovation of

SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS)

Invention & Innovation Awards 2017
Malaysia Technology Expo 2017
16 - 18 February 2017
Kuala Lumpur

MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO
The Leading International Invention & Innovation Exhibition

CIIS SPECIAL AWARD


This is awarded to
Hambali bin Arep@Ariff
Ab Rahman bin Mahmood
Wahyono Sapto Widod
Mohd Shukor bin Salleh
Effendi Mohamaad
Ab Rahim bin Ibrahim
Sazelin binti Arif
for

SUCI-MALE URINAL SYSTEM (S-MUS)

Malaysia Technology Expo 2017
Kuala Lumpur

16-18 February 2017

Chinese Innovation & Invention Society (TAIWAN)



Mr. Wu, Kou-Chen, President of CIIS
Feb 17, 2017

PERSEMBAHAN VIDEO CARA PENGGUNAAN



TERIMA KASIH

